Kita telah masuk suku tahun kedua 2002.
Selain dari memberikan tumpuan terhadap kerja-kerja penyelenggaraan yang telah diamanahkan, termasuk di masa kecemasan seperti banjir, pejabat-pejabat Wilayah dan Kawasan Roadcare terus rancak mengadakan berbagai kegiatan yang boleh menghidupkan syarikat di peringkat akar-umbi.

Dari majlis sambutan Hari Raya ke sambutan Hari Jadi,
pengurusan dan kakitangan Roadcare sentiasa berpeluang berinteraksi sambil mengeratkan lagi hubungan serta ikatan silaturrahiim sesama mereka...

Selangor

MAJLIS JAMUAN HARIRAYA AIDILFITRI 1421H

Satu Majlis Jamuan Hari Raya 1421 Hijrah telah diadakan di perkarangan pejabat Wilayah Selangor pada 12hb Januari 2002. Antara 200-250 orang telah hadir ke majlis tersebut yang turut diserikan oleh tetamu kehormat, Pengarah Urusan Roadcare, YBhg Dato' Hasnur Rabiain Ismail dan Datin Kamisah Abd Samad. Tidak ketinggalan ialah wakil-wakil dari JKR, Ir Lai Khin Onn (UPPJ Selangor) dan Ir Tan On Chin, Jurutera Daerah Sepang. Pegawai dan kakitangan Roadcare HQ dan Rawang turut hadir sama. Selain dari menikmati juadah yang sungguh enak, kanak-kanak yang hadir pulang dengan poket berisi setelah menerima Duit Raya masing-masing! SR

TAKLIMAT PROJECT QUALITY PLAN

Roadcare Wilayah Selangor telah menganjurkan satu majlis taklimat "Project Quality Plan" pada 7hb Mac 2002 di Hotel Equatorial, Bangi. Ia telah dihadiri oleh Penolong pengarah , UPPJ Selangor, Encik Lai Khin Onn, Jurutera Daerah, Jurutera Jalan, serta Juruteknik bagi daerah Kuala Selangor, Petaling, Hulu Selangor dan Gombak. Pihak Roadcare pula diwakili oleh Pengurus Besar, Encik Mohd Khalil Dan, Pengurus Wilayah Selangor, Tuan Haji Aznam Abd Rahim, Pengurus-Pengurus Kawasan, Pegawai-Pegawai Teknikal dan Penyelia-Penyelia Tapak. Selepas kata-kata aluan daripada Encik Khalil, taklimat telah disampaikan oleh Jurutera Awam syarikat, Encik Mohd Jefri Mohd Ekhwan, dari Jabatan Teknikal, Ibu Pejabat Roadcare. Majlis telah diakhiri dengan satu jamuan makan tengah hari di *Coffee House* hotel berkenaan. SR

KEPRIHATINAN ROADCARE

Di akhir tahun 2001, Pahang khususnya Kuantan dan Temerluh agak teruk dilanda banjir. Antara yang turut dinaikki air termasuklah rumah dua orang kakitangan Roadcare sendiri, Encik Hanif Sulaiman dan Encik Mahat Mohammad. Namun ia tidak mematahkan semangat mereka dan syarikat dalam memikul tanggungjawab yang telah diamanahkan. Sewaktu banjir, Pejabat Wilayah Pahang dan Kawasan Kuantan telah dibuka 24 jam di mana pegawai dan kakitangan diarahkan bersedia untuk dihantar membantu dalam kerja-kerja kecemasan di tempat-tempat kejadian bila perlu. SR

Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri

Roadcare Pahang tidak ketinggalan mengadakan Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri di Astana Golf Club Kuantan. Tetamu kehormat ialah YB Timbalan Menteri Besar Pahang, Dato' Haji Tan Mohd Aminuddin bin Ishak serta Pengarah JKR Pahang, YH Dato' Ir Haji Kalid bin Haji Alias. Turut hadir ialah Puan Junaidah Jaafar , Penolong Pengarah UPPJ.

Para tetamu telah diraikan oleh Ketua Pegawai Operasi Roadcare, Tuan Haji Mhd Najili Sojo, Pengurus Besar, Encik Mohd Khalil Dan serta Pengurus Wilayah Pahang, Ir Jamal bin Dato' Haji Nasir dan lain-lain pegawai Roadcare Pahang serta Ibu Pejabat. SR

Terengganu

Majlis Sambutan Harijadi

Roadcare Terengganu telah mengadakan satu Majlis Sambutan Harijadi di pejabat Roadcare Wilayah pada hari Ahad, 3hb Mac 2002 bagi meraikan harijadi kakitangan yang jatuh pada bulan Februari. Mereka yang diraikan termasuklah Pengurus Wilayah Terengganu sendiri, Encik Mohd Norli Md Saleh (harijadi pada 26/2/02), Penyelia Setor, Encik Mohd Ezanee Salleh (22/2/02) dan Pekerja Am, Encik Mamat Ismail (17/2/02). Majlis seumpama ini akan diadakan setiap bulan bagi meraikan harijadi kakitangan yang jatuh pada bulan sebelumnya. Kek dipotong, hadiah diberi, selera dijamu dan doa dibaca. Dari kehadiran 100% semua kakitangan di majlis itu, tidak syak lagi ia akan dapat mencapai matlamat bagi mengeratkan lagi silaturrahim di antara pihak pengurusan dan kakitangan serta sesama kakitangan itu sendiri. SR

Kelantan

Sempena Hari Raya AidilAdha yang baru berlalu, Roadcare Wilayah Kelantan dengan kerjasama Roadcare Kawasan K1 dan K2 telah berganding bahu menjayakan satu majlis makan tengah hari pada 16 Zulhijjah 1442 Hijrah. Lebih 500 orang hadir termasuk tetamu dari JKR dan penduduk-penduduk yang tinggal berhampiran dengan pejabat Roadcare Wilayah di Kota Bharu. Warga Roadcare Kelantan sama-sama bertungkus lumus menjayakan pelbagai aktiviti korban seperti menyembelih seekor lembu korban, menyiang daging, memotong tulang, menyediakan rempah-ratus dan memasak daging korban. Daging korban juga telah dibahagi-bahagikan kepada kakitangan dan penduduk setempat yang layak. SR

Salah satu laluan antara negeri yang utama di Semenanjung Malaysia ialah Lebuh Raya Jeli-Grik. Di sepanjang lebuhraya ini terdapat lima kawasan riadah. Untuk keselesaan para pengunjung, Roadcare Wilayah Kelantan membaikki dan menyelenggara surau dan kawasan riadah yang terletak di km 13. Berhampiran dengan tempat yang nyaman ini, terdapat air terjun dan takungan air. SR